



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEMAHIRAN MELUKIS DALAM PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH : SATU KAJIAN KES



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEMAHIRAN MELUKIS DALAM PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH : SATU KAJIAN KES

AHAMAD TARMIZI BIN AZIZAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)**



ptbupsi

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

PENGAKUAN

Saya mengaku desertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

08.02.2006

AHAMAD TARMIZI BIN AZIZAN
M20041000026



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Tuhan yang maha kuasa di atas segala kesempatan dan kekuatan yang dilimpahkan-Nya sehingga saya mampu untuk menyiapkan projek penyelidikan ini. Pada hakikatnya, usaha ini tidak mungkin berhasil tanpa bimbingan, kerjasama, dorongan, kritikan membina dan juga doa pelbagai pihak, khususnya buat kedua ibu bapa tercinta. Atas sumbangan ikhlas yang diberikan, saya ingin merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dengan usaha ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Penyelia Kertas Projek, En. Mohd Johari bin Ab Hamid dan pensyarah kursus UKP 6043 : Naturalistic Inquiry, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Prof. Madya DR. N.S. Rajendran, yang telah banyak membimbing dan membantu saya bagi menyiapkan projek penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada sarjana-sarjana yang terdahulu membuat kajian secara langsung dan tidak langsung, yang mana pendapat dan kajian mereka saya petik – sama ada nama mereka tertulis ataupun tidak.

Di kesempatan ini juga, saya merakamkan rasa penghargaan dan terhutang budi kepada semua individu yang terlibat khususnya isteri tercinta, Nooraihan binti Abd Hamid serta rakan-rakan seperjuangan kerana dedikasi yang tinggi dalam usaha membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Adalah diharapkan laporan penyelidikan ini dapat dijadikan panduan bagi diri saya, guru-guru seni dan pentadbir di SMK Dato Haji Kamaruddin, serta Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Kubu Bharu, bagi mempertingkatkan prestasi pencapaian kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor, Selangor, Malaysia. Sekian, terima kasih

Ahamad Tarmizi Bin Azizan

Februari, 2006





ABSTRAK

Saban tahun, pencapaian pelajar sekolah menengah bagi kertas 2611/2 (menggambar) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia menunjukkan senario yang membimbangkan. Hal ini berlaku kerana pelajar kurang menguasai kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Justeru, satu kajian kes kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual telah dilaksanakan terhadap sebilangan pelajar di sebuah sekolah menengah dalam daerah Hulu Selangor. Matlamat kajian adalah untuk mengenal pasti punca kelemahan penguasaan kemahiran melukis tersebut dan mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperbaikinya. Tiga objektif yang diharapkan menerusi kajian ini adalah untuk melihat kesediaan dan minat belajar pelajar, melihat penguasaan kemahiran melukis pelajar, dan melihat kepentingan kemahiran melukis tersebut dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Justeru, kajian ini direka bentuk berdasarkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif, di mana data-data dikumpulkan menerusi lapan instrumen dengan menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, dan kajian dokumen yang diperoleh dari sampel dan di tapak kajian. Berdasarkan penyelidikan model interaktif, data-data kajian telah dianalisis dan diuraikan secara deskriptif menerusi kaedah pemikiran induktif. Hasil dapatan menunjukkan tahap kemahiran melukis sampel adalah rendah dan membimbangkan. Perkara ini telah dibuktikan menerusi hasil analisis karya secara deskriptif dalam pra-ujian 1 dan ujian 2, di mana hanya 50 peratus sampel menggunakan kemahiran melukis yang boleh diterima.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRACT

Every year, the secondary schools student's achievement in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination in the art subject paper 2611/2 (drawing), is showing threatening scenario. This phenomenon due the student's because they lack in mastering in the drawing skills, especially in the subject of Visual Art Education. Therefore an analysis of case study focusing on the mastering of drawing skills in the subject of Visual Art Education has been administrated upon a number of selected student's in secondary schools in a district of Hulu Selangor. The aim of the research is to identify the cause of their weakness in mastering the skills of drawing. This research is also trying to propose steps and procedure which could be taken to improve their weakness in the subject. Three objective are expected to be achieved through this research are to see the student's readiness and interest to study, to see the student's mastering of drawing skills, and to see the important of the drawing skills in the subject of Visual Art Education. The research has been designed from the quantitative and qualitative approach, so the data collection was done through the administration of eight instruments using the method of observation, interview and documents analysis obtain from the samples and research side. These data are being analyzed and referred to the interactive model using the method of inductive thinking. This analysis is also elaborated descriptively. The research finding would show the level of the sample's drawing skills is very weak and threatening. This phenomenon is proven through the descriptive analysis of the art work in pre-test 1 and test 2, in which only 50 percent sample's used the accepted drawing skills.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun

ptbupsi
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v



KANDUNGAN

Muka surat

Halaman Judul

Pengakuan

ii

Penghargaan

iii

Abstrak

iv

Abstract

v

Kandungan

vi

Senarai Jadual

viii

Senarai Rajah

ix



Senarai Lukisan

xi

Senarai Foto

xii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Kajian	4
1.3	Tujuan Kajian	5
1.4	Persoalan kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Kekangan dan Skop Kajian	7

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1	Kemahiran Melukis	8
2.2	Kesediaan dan Minat Pelajar	10
2.3	Kepentingan Kemahiran melukis	11





BAB 3 : METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pemilihan Sampel	14
3.2	Pengumpulan Data	15
3.2.1	Pemerhatian (<i>observation</i>)	16
3.2.2	Temu Bual (<i>rakaman audio dan visual</i>)	16
3.2.3	Himpunan Dokumen (<i>Kajian dokumen</i>)	17
3.3	Analisis Data	18
3.4	Jadual Kerja	20

BAB 4 : PERBINCANGAN

4.1	Penguasaan Kemahiran Melukis Pelajar Dalam Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Di Sekolah	23
4.2	Kesediaan Dan Minat Pelajar Untuk Mempelajari Kemahiran Melukis Dalam Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual	36
4.3	Kepentingan Kemahiran Melukis Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	43



BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	50
5.2	Saranan dan Cadangan Kajian	52

Bibliografi	54
--------------------	----

Rujukan Internet	55
-------------------------	----

Lampiran





SENARAI JADUAL

Jadual	Nama Jadual	Halaman
3.1	Instrumen-Instrumen Yang Digunakan Dalam Kajian	15
3.2	Jadual Kerja Penyelidikan Kajian	20
4.1	Senarai Responden Kajian Kemahiran Melukis	22
4.2	Analisis Responden Kajian Kemahiran Melukis	23
4.3	Analisis Markah Ujian Bulanan dan Peperiksaan Mata Pelajaran Pendidikan seni Visual Responden Tahun 2005	25
4.4	Analisis Borang 05(b) Borang Soal Selidik Ke atas Enam Orang Responden Terhadap Pembelajaran Kemahiran Melukis	26
4.5	Analisis Kemahiran Melukis Responden (Kendiri)	28
4.6	Analisis Penggunaan Kemahiran Melukis Responden (Penilaian Guru)	29
4.7	Analisis Kesediaan dan Minat Responden Terhadap Pembelajaran Kemahiran Melukis	37
4.8	Analisis Kepentingan Kemahiran Melukis Bagi Responden	44





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ix

SENARAI RAJAH

Rajah	Nama Rajah	Halaman
-------	------------	---------

3.1	Proses Menganalisis Data Kajian Menggunakan Model Interaktif	18
-----	--	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
x

SENARAI SINGKATAN / SIMBOL / TATANAMA / ISTILAH

Singkatan / Istilah

Huraian

4 KM 1

4 Kemanusiaan 1

SMK

Sekolah Menengah Kebangsaan

PSV

Pendidikan Seni Visual

spray

cat melalui semburan dari tin

ton

nilai kelikatan dan kepekatan warna pada sesuatu objek

jalinan

tekstur

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

water colour

warna air

illustrasi

lukisan / foto yang memberi gambaran tentang kandungan sesuatu teks

imitasi

teknik melukis dengan cara meniru sesuatu

3-D

tiga dimensi (teknik pelukisan yang menimbulkan bentuk sesuatu objek)

PMR

Penilaian Menengah Rendah

B. Ed (Art)

Bachelor of Education (Art) ; Sarjana Muda Pendidikan (Seni)

UPSI

Universiti Pendidikan Sultan Idris

kelas hujung

kelas terakhir dalam sesuatu tingkatan / darjah di sesebuah sekolah

mood

perasaan untuk melakukan sesuatu (suka atau tidak)

tension

tertekan

boring

bosan / jemu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
x



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI LUKISAN

Lukisan	Nama Lukisan	Halaman
4.1	Hasil karya responden 12 dalam Pra-Ujian 1	30
4.2	Lukisan Asal Pra-Ujian 1	31
4.3	Hasil karya responden 12 dalam Ujian 2	34



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI FOTO

Foto	Nama Foto	Halaman
4.1	Rakaman Visual Pemerhatian Menggunakan Kamera Digital	39
4.2	Rakaman Visual Pemerhatian Menggunakan Kamera Digital	39



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini akan membicarakan tentang latar belakang kajian yang berkait dengan permasalahan kajian, tujuan, persoalan, kepentingan, kekangan dan skop penyelidikan yang akan dilaksanakan. Menerusi bab ini, penyelidik berusaha memberikan kefahaman tentang permasalahan utama yang akan dikaji dalam penyelidikan ini menerusi penerokaan persoalan-persoalan yang dinyatakan. Di samping itu, bab ini juga akan memperjelaskan hubung kait permasalahan utama kajian dengan tujuan dan kepentingan kajian ini dilaksanakan.



1.1 Pengenalan

Kemahiran melukis merupakan satu kemahiran yang paling penting dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Malahan dapat ditegaskan bahawa kemahiran ini merupakan kemahiran yang paling asas dan perlu dikuasai oleh setiap pelajar yang mempelajari mata pelajaran tersebut. Sebagai pelajar Pendidikan Seni Visual, penguasaan terhadap kemahiran ini adalah menjadi satu keperluan yang amat mendesak. Sekiranya pelajar gagal menguasai kemahiran melukis dengan baik, apa yang pasti pelajar juga turut menjadi '*'buta'*' dalam penguasaan bahasa seni tampak atau bahasa visual. Lazimnya pelajar yang gagal menguasai bahasa tampak dengan





baik akan cenderung untuk menghindarkan diri dari mempelajari mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah.

Kesan langsung dari sikap ini, bilangan pelajar yang akan mempelajari dan meminati subjek ini akan semakin berkurangan. Sedangkan pihak kerajaan telah melaburkan sejumlah wang yang besar bagi mempertingkatkan perkembangan subjek ini dalam arus perkembangan pendidikan negara. Hal ini dapat diperhatikan menerusi peruntukan yang sentiasa meningkat bagi bidang pendidikan apabila belanjawan negara dibentangkan pada setiap tahun.

Sekilas pandang, subjek ini merupakan salah satu mata pelajaran yang amat menyeronokkan. Ini kerana menerusinya pelajar dapat menghilangkan rasa jemu,

bosan, pening dan sebagainya ~~Perpustakaan Tuanku Bainun~~ ~~PustakaTBainun~~ ~~ptbupsi~~. ~~timbulnya~~ ~~sebagai~~ ~~subjek lain yang agak sukar seperti~~ matematik, bahasa dan lain-lain. Di sini timbullah satu sinonim yang amat ketara, di mana kemahiran melukis dalam subjek Pendidikan Seni Visual sering dikaitkan dengan bakat semula jadi (anugerah Yang Maha Kuasa) yang dimiliki oleh seseorang individu. Kita mengandaikan bahawa jika seseorang itu memiliki bakat semula jadi sudah pasti beliau turut memiliki kemahiran melukis yang baik. Sedangkan hal ini merupakan satu kefahaman yang bercanggah dengan realiti sebenar.

Kefahaman yang salah ini telah banyak mempengaruhi kebanyakan dari kita. Keadaan ini telah memungkinkan bahawa kemahiran melukis dalam subjek Pendidikan Seni adalah sesuatu yang sukar dipelajari sekiranya seseorang individu itu tidak memiliki bakat secara semula jadi. Ini selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Prof. Marvin Bartel (Ed.D., Professor of Art Goshen College, 1700





South Main St., Goshen) dalam eseinya yang bertajuk *Helping Children Learn How to Learn How to Draw A short essay pada tahun 2000* (<http://www.goshen.edu/art/ed/westv.html#top>), di mana beliau menjelaskan :

When children ask for help with drawing, many teachers are heard to say, "That's okay, I can't draw either." Yet what teacher would say? "That's okay, I can't read and write either."

(*Helping Children Learn How to Learn How to Draw A short essay by Prof. Marvin Bartel, 2000. p. 2*)

Namun hakikatnya, kemahiran melukis bukanlah sesuatu yang sukar dipelajari dan amat bergantung kepada faktor bakat. Sebenarnya kemahiran melukis dapat dikuasai sekiranya latihan demi latihan dilakukan bagi menguasainya. Menurut Marvin Bartel (2000), kemahiran melukis dapat dikuasai dengan baik sekiranya pelajar diajar dengan teknik dan kaedah yang betul ketika belajar melukis seperti teknik melukis melalui pemerhatian, teknik imaginasi, teknik peniruan dan mungkin teknik lawatan ke galeri-galeri. Di samping itu, menerusi sesi latihan yang kerap akan turut membantu pelajar menguasai kemahiran tersebut dengan baik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah bermatlamat untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Justeru, adalah diharapkan menerusi kurikulum Pendidikan Seni Visual, pelajar dapat meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni





dan warisan bangsa dan seterusnya dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Menurut Iberahim Hassan (2000), menjelaskan Pendidikan Seni adalah suatu disiplin ilmu yang melibatkan ketiga-tiga domain manusia iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor (berdasarkan Taksonomi Objektif Pendidikan oleh Benjamin S. Bloom). Antara ketiga-tiga domain ini, domain psikomotor bertindak sebagai teras dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Oleh itu, sudah semestinya para pelajar yang mempelajari mata pelajaran ini perlu memiliki tahap penguasaan yang baik dalam kemahiran melukis. Ini kerana menerusi penguasaan kemahiran melukis yang baik, kebolehan membuat pengamatan (tafsiran dan pemilihan secara tepat, benar dan sempurna) akan dapat dipertingkatkan. Brown (1980) dalam Iberahim Hassan (2000)

menjelaskan keupayaan pengamatan dapat dipertingkatkan melalui proses pemerhatian ketika melukis. Namun, berdasarkan pemerhatian dan pengalaman sebagai guru seni, didapati tahap kemahiran melukis pelajar adalah sangat rendah terutama ketika melukis figura dan haiwan. Hal ini selaras dengan pendapat Bloom (terjemahan oleh Abdullah Junus – 1992) yang menjelaskan :

“Domain yang ketiga ialah bidang manipulasi dan kemahiran motor. Walaupun kami akur dengan kewujudan domain ini, kami dapati sedikit sahaja usaha mengenainya dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah...”

(Taksonomi Objektif Pendidikan B. S. Bloom, hal. 10)

Justeru, maklum balas yang diperoleh semasa menjalankan tinjauan awal dan pengalaman pengkaji menunjukkan bahawa permasalahan ini merupakan suatu masalah yang kritikal dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah ini. Ini





kerana, didapati ketidaksediaan dan kelemahan penguasaan kemahiran melukis pelajar-pelajar dalam mata pelajaran ini telah menyebabkan pencapaian prestasi subjek Pendidikan Seni Visual di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, khususnya bagi kertas 2611/2 di sekolah ini semakin merosot setiap tahun. Justeru, dirasakan amat perlu penyelidikan ini dilaksanakan di sekolah tersebut, dan secara tidak langsung hasil penyelidikan ini diharapkan akan dapat diguna pakai bagi meningkatkan pencapaian pelajar Pendidikan Seni Visual di sekolah ini ke tahap yang lebih tinggi serta meningkatkan pencapaian subjek ini di peringkat daerah, negeri dan negara secara amnya.

1.3 Tujuan Kajian



Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran melukis, kesediaan dan minat belajar pelajar terhadap kemahiran melukis, dan kepentingan kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual kepada pelajar di sekolah menengah. Justeru, berikut digariskan tiga objektif kajian yang hendak dicapai iaitu :

- 1.3.1 Melihat kesediaan pelajar untuk mempelajari kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.
- 1.3.2 Melihat penguasaan kemahiran melukis pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah.
- 1.3.3 Melihat kepentingan kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual?





1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif di atas, kajian ini diharap dapat menjawab persoalan-persoalan berikut, iaitu :

- 1.4.1 Apakah tahap penguasaan kemahiran melukis pelajar di sekolah ?
- 1.4.2 Adakah pelajar bersedia dan minat untuk mempelajari kemahiran melukis di sekolah ?
- 1.4.3 Apakah kepentingan pelajar mempelajari kemahiran melukis ?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai penguasaan kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan



Seni Visual ini diharap dapat :

- 1.5.1 Membolehkan Panitia Pendidikan Seni Visual khususnya Guru-guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Haji Kamaruddin, Kuala Kubu Bharu merangka dasar dan pelan bertindak bagi meningkatkan kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah ini, khususnya sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2006.

1.5.2 Dijadikan asas perancangan dan digunakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor bagi merangka modul-modul latihan yang diperlukan bagi meningkatkan kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah.





1.5.3 Membolehkan pihak-pihak yang berkenaan menyediakan kursus yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah.

1.6 Kekangan dan Skop Kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada sebilangan pelajar Tingkatan 4 yang mempelajari kemahiran melukis dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di SMK Dato' Haji Kamaruddin, yang terletak di dalam mukim Kuala Kubu Bharu, daerah Hulu Selangor, Selangor. Justeru, kajian ini hanya melibatkan 11 orang pelajar dari tingkatan 4 KM 1 (4 Kemanusiaan 1) dan seorang guru terlatih mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang bertugas di sekolah tersebut. Keputusan kajian

ini hanya mewakili sampel kajian di sekolah tersebut dan dapat merumus secara umum tahap penguasaan kemahiran melukis, kesediaan dan minat belajar kemahiran melukis, serta kepentingan kemahiran ini kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah tersebut. Ketepatan hasil kajian ini bergantung kepada data-data pemerhatian pengkaji, kajian dokumen dan keikhlasan maklum balas responden terhadap soalan-soalan temu bual. Hasil kajian ini tidak boleh digunakan untuk kes sekolah menengah separa bantuan kerajaan, sekolah menengah swasta dan sekolah rendah atau peringkat kajian yang lain yang tidak bersesuaian dengannya.

